

Headline Ilmu nujum Melayu
Date 14. Aug 2008
Media Title Berita Harian
Section Hip
Circulation 217920
Readership 2083000

Language MALAY
Page No 13
Article Size 493 cm²
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue 8733.45



Oleh Rashiqa
Ilmi Abd Rahim
rashiqa@beritan.com.my

PERSOALAN kerelevan-
nan kitab ilmu nujum
Melayu pada kaca mata
bangsanya dikuas pada
Seminar Bulanan Naskhah
Melayu: Kitab Ilmu Nujum
Melayu dalam usaha meletak-
kan khazanah warisan bangsa
itu sebagai satu cabang ilmu.

Sebelum ini, majoriti bang-
sa Melayu melihat manuskrip
ilmu nujum Melayu hanya
pada taraf picisan kerana ia
tidak diiktiraf secara sah oleh
institusi pendidikan negara
ini sebagai cabang ilmu yang
boleh meninggalkan kesan ter-
hadap minda masyarakat.

Pensyarah Institut Alam
dan Tamadun Melayu (Atma),
Universiti Kebangsaan Ma-
laysia (UKM), Prof Dr Haron
Daud, mengesahkan ilmu
nujum Melayu selama ini
sering dilihat tidak relevan
dengan peredaran masa dan
dianggap ketinggalan zaman.

"Pandangan negatif ini ke-
rana ilmu nujum selama ini
selalu ditafsir sebagai ramalan
mengenai nasib manusia
sehingga lebih mendekati
makna astrologi sedangkan
ia sebenarnya peninggalan
lampau yang menggambarkan
nilai dan kebijaksanaan
masyarakat zaman dulu," kata-
nya pada seminar di Akademi
Pengajian Melayu (APM), Uni-
versiti Malaya (UM), baru-
baru ini.

Bagaimanapun, beliau tidak

**Kita perlu terus
membuat kajian
dalam usaha
mengangkat
ilmu nujum pada
kedudukannya dan
menggalakkan
minat masyarakat
terhadap khazanah
seperti ini"**

Hashim Ismail
Pensyarah Akademi
Pengajian Melayu,
Universiti Malaya



Naskhah ini
adalah khazanah
bangsa yang perlu
dipelihara kerana
ia menunjukkan
orang Melayu
dulu bijaksana
walaupun sains
masih belum
berkembang
ketika itu"

Norhayati Rahman
Pensyarah Akademi
Pengajian Melayu,
Universiti Malaya

Ilmu nujum Melayu

Ia lambang kebijaksanaan bangsa bertamadun



BENTANG ISU: Kitab Ilmu Nujum Melayu yang dibincangkan Dr Haron mendedahkan manuskrip terbatit tidak sama dengan astrologi.

menggalakkan masyarakat Melayu khususnya generasi muda yang mempercayai kandungan manuskrip sepenuhnya dan cukup sekadar mewakili lambang cara pemikiran masyarakat Melayu silam dalam membuat ramalan mengenai sesatu perkara.

"Saya memperjuangkan manuskrip ini bagi menyedar-

kan masyarakat Melayu khususnya generasi muda yang tidak mengetahui bahawa bangsanya memiliki identiti serta tamadun tersendiri sejak zaman dulu," jelasnya.

Prof Dr Haron yakin ilmu nujum membuktikan masyarakat Melayu pernah meng-

ungkapkan ilmu pada zaman kegemilangannya dan jika manuskrip terbatit dapat dimartabatkan serta diberi kepercayaan, ia mampu menjadi ilmu yang dapat menjana minda bangsa Melayu.

Justeru, beliau turut berharap ilmu nujum Melayu di-

Saya
memperjuangkan
manuskrip ini bagi
menyedarkan
masyarakat Melayu
khususnya generasi
muda yang tidak
mengetahui
bangsanya memiliki
identiti serta
tamadun tersendiri"

Dr Haron Daud
Pensyarah Institut Alam
dan Tamadun Melayu
(Atma), UKM

teliti dengan melakukan kaji-
an saintifik seperti bagaimana
masyarakat dulu mengaitkan
kejadian alam berdasarkan per-
edaran musim dalam membuat ramalan.

"Walaupun ramalan ini biasanya terjadi secara ketebu-
lan dan tiada fakta sah bagi
menentukan kebenarannya,
kita perlu faham bahawa asas
utama yang ingin ditonjolkan
adalah kehebatan pemikiran
masyarakat dulu dan meng-
harga naskhah ini kerana nilai
sejarahnya pada bangsa

Malaya," katanya.